

SOALAN PERCUBAAN NEGERI KEDAH

ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN DIBERI. ANDA HANYA PERLU MENARIK PILIHAN JAWAPAN YANG SESUAI KE TEMPAT KOSONG (DRAG AND DROP).

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Modern

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberi.

“Hidup yang ditentukan oleh tangan manusia itu, tidak pernah adil, Solehah.” Titis air mataku gugur di hujung jari Solehah. “Engkau hanya memerlukan tiga pek darah sahaja, tetapi tidak diberikan. Tuan Besar Musa itu tubuhnya tidak mahu menerima darah tetapi pakar-pakar itu...,” sebak menyendat di dadanya.

“Dapatkan 10 pek darah sekarang!” Arah Profesor Doktor Juaidi apabila cupingnya diusapi suara lembut Doktor Murni, yang menyampaikan berita tentang bank darah yang kontang. “Dapatkan di hospital lain, segera”

Untuk siapa? Hatinya musykil sendiri.

“Awak tahu siapa Tuan Besar Musa itu? Korporat, teknorat yang banyak menyumbang dana kepada kelab elit kita. Kita tak mahu dia mati. Dia dermawan yang prihatin. Kita begitu banyak berhutang budi kepadanya. Makan malam tahunan kita yang beratus-ratus ribu ditaja olehnya”.

Tekanan darah Solehah semakin rendah. Jeritku menyapa kuping Profesor Doktor Juaidi. Dia menoleh

*Dipetik daripada Gerhana Manusia
Oleh Aminah Mokhtar dalam
Antologi Sejadah Rindu KPM.*

Korporat, teknorat yang banyak menyumbang dana kepada kelab elit

Dia dermawan yang prihatin

(i) Mengapakah Profesor Doktor Juaidi tidak mahu Tuan Besar Musa mati?

Profesor Doktor Juaidi tidak mahu Tuan Besar Musa Mati kerana dia

dan dia _____.

Kempen Menderma Darah	menggalakkan	ceramah
-----------------------	--------------	---------

(ii) Tabung darah di sesebuah hospital sering mengalami masalah kekurangan darah. Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha untuk memastikan bank darah sentiasa mempunyai bekalan darah yang mencukupi?

Usaha-usaha untuk memastikan bank darah sentiasa mempunyai bekalan darah yang mencukupi ialah kerajaan menganjurkan _____ di seluruh negara. Selain itu ibu bapa _____ anak-anak mereka menderma darah dan pihak sekolah mengadakan _____ kepada murid-murid tentang kepentingan menderma darah.

masyarakat yang berbelas kasihan	Solehah
masyarakat yang bertanggungjawab	Nusia

(iii) Huraikan satu latar masyarakat yang terdapat dalam petikan dan satu latar masyarakat lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen.

Latar mesyarakat yang terdapat dalam petikan ialah _____.

Contohnya Doktor Murni bersimpati melihatkan _____ yang memerlukan 3 pek darah tetapi tidak mendapat darah itu.

Latar masyarakat yang terdapat dalam keseluruhan cerpen pula ialah _____.

Contohnya Doktor Murni dan _____ sama-sama bertanggungjawab menjaga para pesakit di wad itu.